

VOLUME 2

MARCH 2022

arte

Art and Expression

arts
&
local
culture



ARTE: Art and Expression
Presents

arts & local culture

Volume 2
Published: 1 March 2022

Published by:
©UiTM Perak Press

eISSN 2805-5071

Editors

• Dr. Syed Alwi Syed Abu Bakar • Dr. Aznan Omar • Dr. Hamidi Hadi • Dr. Azian Tahir • Mahizan Hijaz Mohamad •
• Noor A'yunni Muhamad • Noor Enfendi Desa • Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin • Anwar Fikri Abdullah •
• Muhammad Salehuddin Zakaria • Hairulnisak Merman • Nur Muhammad Amin Hashim Amir •



Cawangan Perak



JABATAN SENI HALUS
FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
UiTM CAWANGAN PERAK



INTRODUCTION

ARTE: Art and Expression is a biannual book chapter, published under collaboration of Department of Fine Arts, Faculty of Art & Design, UiTM Perak Branch with Galeri Al-Biruni under the supervision of Universiti Teknologi MARA, Malaysia. 'ARTE' is an amalgamation of english word 'Art', and malay word, specifically Perak slang 'Ate' which translate as conversation starter. 'ARTE' uses the concept of book chapter that platform art enthusiasts to express their inner-creativity in the form of literacy conjecture

VISION

Art and expression as aspiration towards stylistic and artistic practices

MISSION

- To enhance the culture of research and academic publication among academician and artist for international recognition
- To promote intellectual, cultural and knowledge sharing through artistic expression
- To celebrate the diversity and differences in arts practices thus creating and intellectual platform for artist to express their interest in art

PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) books per year (March and September)

e-ISSN No.

2805-5071

COPYRIGHT NOTICE

Copyright © 2021 ARTE: Art and Expression. All rights reserved.

No portion of this book may be reproduced in any form without permission from the Publisher, except as permitted by the publisher themselves. For permission purpose contact: arte@uitm.edu.my



© The Editor(s) (if applicable) and The Author(s) 2022
This book is an open access publication

Open Access: this book is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution 4.0 International License (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits use, sharing, adaptation, distribution and reproduction in any medium or format, as long as appropriate credit is given to the original author(s) and the source, provide a link to the Creative Commons licence and indicate if changes were made.

DISCLAIMER

The authors, editors, and publisher will not accept any legal responsibility for any errors or omissions that may have been made in this publication. The publisher makes no warranty, express or implied, with respect to the material contained herein.

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Hamidi Hadi
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITOR

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Noor A'yunni Muhamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Mahizan Hijaz Mohamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Hairulnisak Merman
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ASSISTANT SECRETARY

Pn Nor Syahirah Ibrahim
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAPTER 5



ANALISA PROSES EKSPERIMEN 'ANTHOTYPE' MENGGUNAKAN KAEDAH PEMBELAJARAN SECARA JARAK JAUH DAN TERBUKA

Raziq Bin Abdul Samat

Shafirah Binti Shaari

Syafiq Bin Abdul Samat

Abstrak

Semenjak pandemik Covid-19 melanda negara kita, pelbagai kaedah dilaksanakan bagi memembendung penularan wabak ini, diantaranya melaksanakan pembelajaran secara jarak jauh dan terbuka atau dikenali sebagai Open and Distance Learning (ODL) bagi mengelakkan berlakunya keciciran terhadap pelajar. Topik berkaitan proses berbentuk seperti eksperimen adalah agak sukar untuk difahami oleh pelajar, jika hanya berpandukan slaid ataupun syarahan semata-mata tanpa ada kaedah demonstrasi, khususnya melibatkan pembelajaran secara pembelajaran terbuka secara jarak jauh ini. Oleh yang demikian, suatu kajian telah diadakan bagi menjawab permasalahan ini. Topik berkaitan 'Anthotype' telah dipilih untuk dijadikan sebagai bahan sampel kajian dan ianya hanya menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai bahan utama dalam menghasilkan suatu cetakan. Seramai 15 orang pelajar semester 04 dari Program Diploma Fotografi & Pengimejan Kreatif telah terlibat dalam proses eksperimen ini. Pelajar diberikan tayangan video serta slaid hasil dapatan dan diberi masa sehingga dua minggu untuk menyiapkan eksperimen. Hasil dapatan mendapati hampir kesemua pelajar menggunakan medium tumbuhan selain daripada medium yang ditunjukkan dalam demonstrasi. Bahan utama seperti kunyit dan daun pandan menjadi pilihan pelajar atas faktor bahan ini mudah didapati di kawasan perumahan mereka.

Katakunci: Anthotype, Eksperimen, Analisa

5.0 Pendahuluan

Serangan wabak penyakit yang dicetuskan oleh virus Corona atau dikenali sebagai Covid-19 telah mengubah lanskap kehidupan seharian manusia sejagat di seluruh dunia termasuklah di negara kita. Perubahan ketara dari pelbagai sector seperti sektor ekonomi, kesihatan, sosial dan termasuk juga sektor pendidikan. Langkah demi langkah telah diambil oleh kerajaan bagi membendung penularan wabak ini dari merebak dengan lebih pantas. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac tahun 2020 yang menyebabkan penutupan pelbagai sector dalam negara, ini termasuklah sektor pendidikan. Ini bererti tiada lagi kelas berbentuk fizikal iaitu bersemuka (Face to Face) pada ketika itu. Namun begitu, pelaksanaan pembelajaran secara jarak jauh dan terbuka atau dikenali sebagai Open and Distance Learning (ODL) diperkenalkan bagi mengelakkan berlakunya keciciran dikalangan pelajar sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Menurut UNESCO (2003) kaedah pembelajaran secara jarak jauh dan terbuka ini boleh ditakrifkan sebagai suatu pengajaran dikendalikan oleh seseorang dalam masa dan ruang yang terpisah dari pelajar, dan misi tersebut bertujuan untuk merangkumi dimensi autonomi pelajar, keterbukaan dan fleksibiliti yang lebih besar, sama ada dalam soal akses, kurikulum atau lain-lain elemen struktur. Dalam erti kata lain definisi ianya merupakan proses pembelajaran secara formal, informal, dan bukan formal yang berlaku secara segerak atau tidak segerak dimana pengajar dan pelajar berada di lokasi yang berbeza dan disokong oleh kemudahan teknologi komunikasi termasuk pos, radio dan internet menurut takrifan dari Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UiTM Tahun 2021.

Dengan pelaksanaan pembelajaran terbuka secara jarak jauh ini, terdapat beberapa topik dalam pengajaran bagi suatu subjek perlu diubah bagi mengikut kesesuaian berikutan terhadap kekangan dihadapi oleh para pelajar khususnya. Antaranya adalah masalah capaian internet yang kurang stabil disesetengah kawasan dan juga pergerakan yang terhad akibat pelaksanaan Sekatan Jalan Raya (SJR) di setiap daerah di seluruh negara.

Topik berkaitan proses berbentuk eksperimen adalah agak sukar difahami oleh jika berpandukan slaid ataupun syarahan semata-mata tanpa ditunjukkan demonstrasi khususnya melibatkan pembelajaran secara terbuka secara jarak ini. Oleh yang demikian, suatu kajian telah diadakan bagi menjawab permasalahan ini. Topik berkaitan 'Anthotype' telah dipilih untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Proses 'Anthotype' atau dikenali sebagai 'Herschel's flower-essence prints' yang diperkenalkan oleh Sir John Frederick William Herschel pada tahun 1842 (M. Fabri, 2012) yang menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai bahan utama untuk menghasilkan suatu cetakan. Ini ditambah lagi dari penulisan oleh Kristof Vrancken (2020) menyatakan 'Anthotype' dicipta dengan menggunakan emulsi fotosensitif yang diperbuat daripada pigmen warna tumbuhan dan didedharkannya kepada cahaya matahari selama beberapa hari atau minggu. Proses ini menggunakan pigmen daripada bunga ataupun tumbuhan untuk menghasilkan emulsi fotosensitif iaitu menjadi bahan yang boleh bertindak balas terhadap cahaya. Secara tidak langsung proses ini tidak merupakan mesra alam (eco-friendly) dan tidak berbahaya kepada manusia khususnya kepada pelajar malah ia juga mudah di dapati di kawasan persekitaran perumahan pelajar. Dari segi istilah menurut M. Fabri (2012) perkataan Anthotype bermaksud cetakan bunga. "Anthos" adalah bahasa Yunani untuk bunga dan "jenis" berasal dari bahasa Latin "typus" yang bermaksud angka, imej atau bentuk, dan dari bahasa Yunani "typos" bermaksud lekuk, kesan atau tanda.

5.1 Metodologi Kajian

Untuk kajian ini, 15 orang pelajar dari semester 04, program Diploma Fotografi dan Pengimejan Kreatif dari UiTM Cawangan Melaka telah terlibat dalam sesi kajian ini dengan menggunakan kaedah pembelajaran terbuka secara jarak jauh dan berpandukan kepada arahan yang diberikan. Sebelum menyerahkan tugas ini kepada pelajar, satu eksperimen awal perlu di adakan bagi memastikan proses ini berjalan dengan lancar.

5.1.1 Proses Penyediaan Bahan

Dalam menghasilkan proses eksperimen Anthotype ini terdapat beberapa bahan yang diperlukan dan boleh di dapati di kawasan persekitaran.

Jadual 2: Bahan - bahan untuk penyediaan


Bahan	Kuantiti
Sayur Bayam Merah	3 ikat
Batu Lesung	1 unit
Air	5 ml
Berus	1 unit
Kertas Warna Air (300 gsm) saiz A5	1 helai
Periuk	1 unit
Kaca Acrylic saiz A4	1 unit
Penapis	1 unit
Bekas Plastik	1 unit

Proses Anthotype memerlukan tumbuhan, buah-buahan atau sayur-sayuran yang mempunyai pigmen warna yang kuat untuk menghasilkan emulsi fotosintesis. Oleh yang demikian sayur bayam merah atau Red Spinach dijadikan sampel untuk eksperimen ini.


5.1.2 Proses Penghasilan

Untuk memastikan proses eksperimen ini berjalan dengan lancar, faktor cuaca sangat memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan eksperimen ini. Proses Anthotype ini memerlukan cahaya matahari untuk membantu menghasilkan ekstrak warna pigmen dari tumbuhan atau bunga melalui proses jemuran.

Jadual 3: Proses Penghasilan



Proses ini memerlukan sinaran matahari yang cukup agar emulsi fotosensitif dapat dihasilkan dari tumbuhan dan menghasilkan warna pigmen. Warna pigmen ini bergantung kepada jenis tumbuhan dan juga sayuran termasuk kelopak bunga.



Rajah 31: Sayur bayam merah direbus bagi menghasilkan ekstrak warna air
(Sumber: Raziq Abdul Samat)




Rajah 32: Pokok pakis diletakkan di atas kertas warna air yang telah disapukan dengan ekstrak warna air dan dijemur di bawah sinaran matahari. Selepas tempoh tiga jam kelihatan hasil rupa imej paku pakis kelihatan pada kertas. (Sumber: Raziq Abdul Samat)

5.1.3 Proses Penyampaian

Seramai 15 pelajar semester 04 Program Diploma Fotografi & Pengimejan Kreatif dari UiTM Cawangan Melaka yang mengambil subjek ini dikumpulkan menerusi pembelajaran secara jarak jauh dan terbuka menggunakan platform Google Meet. Proses penyampaian maklumat ini adalah seperti berikut:

Jadual 4: Proses Penyampaian



Para pelajar diberikan penerangan mengenai proses Anthotype dari segi pengenalan dan juga demonstrasi langkah-langkah menghasilkan proses eksperimen ini menerusi video. Kemudian, pelajar ini ditunjukkan sampel hasil eksperimen Anthotype yang telah siap dengan menggunakan sayur bayam merah. Pelajar diberikan penerangan secara syarahan mengenai proses eksperimen ini dan sesi soal jawab diadakan setelah sesi syarahan bagi memastikan pelajar memahami proses eksperimen ini. Pelajar diberikan kebebasan untuk memilih apa-apa medium tumbuh-tumbuhan, sayur-sayuran, buah-buahan dan juga bunga-bunga yang mampu menghasilkan warna pigmen. Namun begitu, ianya bergantung kepada situasi dan keadaan kawasan pelajar pada ketika itu, termasuklah pelajar yang berada di kolej. Pelajar diberi masa selama 14 hari untuk menghasilkan eksperimen ini di tempat masing-masing.

5.2 Hasil Kajian


Selepas 2 minggu 15 orang pelajar telah menunjukkan hasil karya masing-masing mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

5.2.1 Bahan digunapakai

Jadual 5: Bahan digunapakai oleh pelajar

Jenis Bahan	Jumlah Pelajar	Peratus (%)	Hasil Warna
Kunyit	5	33.3	Kuning
Sayur Bayam	1	6.6	Putih
Bunga Telang	2	13.3	Biru
Lobak	1	6.6	Putih
Daun Pandan	4	26.6	Hijau
Kobis Ungu	2	13.3	Ungu

Kajian mendapati seramai 5 orang pelajar bersamaan 33.3% menggunakan kunyit sebagai bahan utama diikuti daun pandan sebanyak 26.6%, bunga telang dan kobis ungu sebanyak 13.3%, dan 6.6% bagi lobak dan sayur bayam.



Rajah 33: Hasil pelajar menggunakan ekstrak warna dari bahan kunyit (Sumber: Raziq Abdul Samat)



Rajah 34: Hasil pelajar menggunakan ekstrak warna dari daun pandan (Sumber: Raziq Abdul Samat)

5.2.2 Bahan Subjek (Objek)

Jadual 6: Bahan subjek (Objek)

Jenis Bahan	Jumlah Pelajar	Peratus (%)
Alam Semulajadi	14	93.3
Bahan Buatan Manusia	1	6.6

Kajian mendapati sebanyak 93.3% pelajar menggunakan bahan subjek dari alam semulajadi berbanding 6.6% pelajar yang menggunakan bahan buatan manusia sebagai subjek.



Rajah 35: Hasil pelajar yang menggunakan bahan utama dari bahan buatan manusia (Sumber: Raziq Abdul Samat)

5.3 Perbincangan dan Rumusan Kajian

Kajian awal mendapati terdapat dua kekangan utama yang dihadapi oleh pelajar sewaktu menjalankan tugas eksperimen ini. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Faktor Cuaca

Keadaan faktor cuaca yang tidak menentu di beberapa kawasan tempat tinggal pelajar menyebabkan menjadi kesukaran untuk menyelesaikan proses pengeringan yang memerlukan sinaran matahari yang cukup. Cuaca mendung dan hujan mampu merencatkan perjalanan proses ini. Pada minggu ketika eksperimen diadakan, pelajar yang berada di kawasan pantai timur mengalami kesukaran akibat berlakunya perubahan angin monsun yang menjadi faktor berlakunya hujan.

2. Faktor Sekatan Pergerakan

Sekatan pergerakan iaitu tidak melebihi radius 10km menyukarkan pelajar untuk mencari bahan-bahan untuk eksperimen. Antara bahan yang sukar didapati adalah kertas warna air yang agak sukar didapati di kawasan berdekatan dan perlu membeli menggunakan sistem pembelian secara online yang memakan masa yang lama untuk sampai ke rumah pelajar. Oleh yang demikian pelajar terpaksa menggunakan kertas A4 biasa 80gsm sebagai bahan untuk mencetak. Ini menyebabkan kertas tersebut menjadi cepat untuk rosak seperti koyak dan renyuk selepas disapu dengan ekstrak warna.

Dua kekangan utama di atas merupakan kekangan utama untuk pelajar menghasilkan eksperimen ini. Namun yang demikian, para pelajar telah berjaya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Ini menunjukkan walaupun dengan pembelajaran terbuka dan secara jarak jauh, suatu topik berbentuk eksperimen dapat dijalankan mengikut kesesuaian pada waktu dan ketika itu. Selain itu juga, proses eksperimen ini menggalakkan pelajar untuk mencuba sesuatu yang baharu, serta dapat menyelesaikan suatu permasalahan yang dihadapi dengan sendirinya. Sebagai contoh ada di antara pelajar mempunyai masalah dalam mendapatkan bahan seperti kertas warna air, namun begitu pelajar tersebut telah menyelesaikan masalah itu dengan menggabungkan 2 helai kertas A4 biasa 80gsm untuk menjadi lebih tebal yang dapat mengurangkan kerosakan pada kertas setelah disapu dengan pigmen warna.

Bahan seperti kunyit dan daun pandan menjadi pilihan pelajar kerana bahan ini amat mudah didapati dan dijumpai di persekitaran Kawasan tempat tinggal pelajar. Selain itu juga pelajar tersebut telah memberikan reaksi positif terhadap proses eksperimen ini dan ada juga di kalangan pelajar menambahbaik eksperimen dengan menambahkan serbuk Borax bagi menaikkan lagi warna pigmen. Proses ini telah memberikan suatu pengalaman baharu khususnya bagi pelajar mengenai suatu proses eksperimen yang belum pernah mereka lalui sebelum ini.

Aspek teknologi digital di dalam fotografi telah mengubah lanskap percetakan secara analog dan telah menjadikannya lebih mudah. Namun begitu percetakan secara digital ini telah menyembunyikan 'pengalaman' dalam menghasilkan suatu eksperimen. Suatu eksperimen ini akan berubah jika terdapat perubahan dari aspek medium bahan asas, penambahan campuran kimia, tempoh jemuran yang berbeza, faktor ketebalan kertas dan sebagainya ini mampu menghasilkan suatu 'keterujaan' jika berjaya menyelesaikan eksperimen.

Kajian seperti ini perlu diteruskan dari masa ke semasa dalam menghasilkan suatu eksperimen yang mesra alam bagi menyahut seruan dari badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah memperkenalkan 17 Matlamat Pembangunan Mampan atau dikenali sebagai Sustainable Development Goals (SDG) pada 1 Januari 2016 yang telah dikuatkuasakan secara rasmi yang terpakai secara universal kepada semua negara bagi menggerakkan usaha untuk menamatkan semua bentuk kemiskinan, memerangi ketidaksamaan dan menangani perubahan iklim, sambil memastikan tiada siapa yang ketinggalan.

5.4 Rujukan

- K. Vrancken (2020). *Photography Against The Anthropocene: The Anthotype Call For Action*. Routledge. London & New York.
- Herschel, J. (1842). *On the Action of the Rays of the Solar Spectrum on Vegetable Colours, and on some new Photographic Processes*. *Philosophical Transactions of the Royal Society of London*, vol. 132.
- M., Fabri (2012). *Anthotypes: Explore the Darkroom in Your Garden and Make Photographs Using Plants*. AlternativePhotography.com. Stockholm. ISBN: 978-1466261006
- Universiti Teknologi MARA (2021). *Garis Panduan Pelaksanaan Penyampaian & Pembelajaran F2F & ODL UiTM 2020*
- Universiti Teknologi MARA (2021). *Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UiTM Tahun 2021*. Malaysian Qualification Agency (2013). *Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh*.
- UNESCO. (2003). *Overcoming exclusion through inclusive approaches in education: A challenge & a vision*. Paris: UNESCO.